# LAPORAN TAHUNAN 2024




**MAJLIS DAERAH MARAN**

Disediak oleh: Unit Audit Dalam & Kualiti

# PENGENALAN



## LATAR BELAKANG MARAN

Maran merupakan salah sebuah daerah di negeri Pahang, Malaysia. Daerah ini terletak di tengah negeri Pahang dan mempunyai keluasan dalam anggaran 1995 km$^2$ dengan jumlah penduduk lebih 112 ribu orang. Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Bandar Maran.

## ASAL-USUL NAMA MARAN

Menurut sumber yang diperolehi daripada arkib simpanan Majlis Daerah Maran, nama Maran berasal dari nama sebatang sungai kecil yang mengalir dari Hulu Teladas ke Ulu Kampung Luit.

Walau bagaimanapun, menurut cerita dari seorang batin orang asli yang tinggal di Kampung Merbau berhampiran Kampung Serengkam, nama Maran itu berasal dari sebuah cerita dimana kira-kira tujuh orang asli sedang bermalam ditepi sebatang sungai (Sungai Maran sekarang).

Ketika mereka tidur, mereka telah dikejutkan oleh satu lembaga yang dikatakan adalah jelmaan harimau jadian. Enam dari orang asli itu berjaya melarikan diri dan meninggalkan seorang dari sahabatnya bersama-sama dengan lembaga itu. Tetapi lembaga itu tidak mengapa-apakan orang asli itu tetapi membahasakan dirinya sebagai 'Maran' atau 'Sahabat' serta menyuruh orang asli tadi menuruti sahabat mereka semula dengan menyusur sungai. Dalam perjalanan menyusur sungai inilah orang asli tadi menggelarkan sungai itu dengan nama Sungai Maran.

## SEJARAH

Bukti arkeologi menunjukkan daerah Maran telah didiami oleh pelbagai kumpulan orang asli termasuk Semang dan Jakun seawal 6,000 tahun dahulu. Kehidupan mereka bergantung kepada aktiviti memburu dan menangkap ikan.

Pada zaman kesultanan Melayu, daerah Maran adalah sebahagian daripada Kesultanan Pahang. Daerah ini terletak secara strategik di laluan perdagangan antara pantai timur dan pedalaman Semenanjung Tanah Melayu, dan telah memainkan peranan penting dalam perdagangan di rantau ini. Sekitar abad ke-19, daerah Maran mula berada di bawah pengaruh pentadbiran kolonial British, yang menubuhkan pejabat residen di bandar berhampiran Kuala Lipis.

Selepas tahun 1957, daerah Maran menjadi sebahagian daripada negeri Pahang khususnya dalam daerah Pekan dan Temerloh. Pada tahun 1981, daerah ini secara rasminya ditubuhkan sebagai daerah pentadbiran yang baharu.

## DEMOGRAFI

Berdasarkan bancian Malaysia 2020 jumlah penduduk di Daerah Maran ialah seramai 112,330 orang dengan kepadatan penduduk 59 orang perkilometer persegi yang dikategorikan sebagai taburan penduduk sederhana. Majoriti penduduk di daerah ini merupakan Bumiputera, membentuk lebih 96 peratus penduduk. Kaum kedua terbesar merupakan kaum Cina diikuti India. Lebih empat peratus penduduk merupakan bukan warganegara.

Nisbah penduduk lelaki kepada penduduk wanita ialah 109:100. Terdapat 29,766 tempat kediaman dengan sebanyak 25,147 isi rumah. Purata saiz isi rumah pula dicatatkan seramai empat orang dalam sebuah rumah. Lebih 71 ribu penduduk dalam kalangan umur bekerja, 30 ribu dalam golongan muda dan selebihnya 10 ribu orang merupakan warga tua.

| KEWARGANEGARAAN | KAUM | JUMLAH |
|---|---|---|
| Warganegara Malaysia | BUMIPUTERA | 103,262 |
| | CINA | 2,767 |
| | INDIA | 1,131 |
| | LAIN-LAIN | 337 |
| Bukan Warganegara | - | 4,833. |

## LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH MARAN

**Lembaga Bandaran Pekan (1970-1981)**

Sebelum Daerah Maran diwujudkan, Bandar Maran yang terletak di dalam Mukim Luit berada di bawah pentadbiran Lembaga Bandaran Pekan seperti yang diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pahang G.N 380/55 dan kemudian dipinda mengikut G.N 45/68.

Berdasarkan takrif Penguasa Tempatan terdapat petempatan bandar ketika itu iaitu Bandar Maran (dibawah pentadbiran Lembaga Bandaran Pekan) dan Pekan Chenor (petempatan bandar di Daerah Temerloh)

*(sumber: Perangkaan Banci Penduduk, 1970 & 1980).*

Lembaga ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Pekan. Kawalan pentadbiran ini yang beribu pejabat di Pekan adalah meliputi peraturan-peraturan Perbandaran. Namun dengan bilangan kakitangan hanya 5 orang iaitu seorang Pengawas Bandar dan 4 orang buruh, segala urusan hanyalah dibuat di pejabat kecil yang ditempatkan di pasar Bandar Maran. Kerja-kerja tertumpu kepada aktiviti pembersihan dan pengindahan di Bandar Maran sahaja.

Pembangunan fizikal boleh dilihat dengan adanya bangunan-bangunan kerajaan ketika itu seperti Balai Polis, Pejabat Daerah, Telekom, Pejabat Kadi, Pejabat Haiwan, Pejabat Pertanian, Balai Penghulu (sudah dirobohkan), sederet kedai bersebelahan Balai Polis (juga telah dirobohkan), Pejabat JKR, Kesihatan, Sekolah Rendah Maran, Pejabat Pos, Pejabat LLN (sekarang TNB). Di samping itu, bangunan-bangunan lain adalah seperi dewan, pasar, kedai peringkat 1, bazar 37 unit, perumahan kilat dan kilang papan.





**Lembaga Bandaran Kecil Maran (1981-1988)**

Pada 1hb. Januari 1981, bermulalah satu era baru apabila Daerah Baru Maran telah diwujudkan. Ia merupakan daerah ke 10 bagi Negeri Pahang Darul Makmur. Daerah ini merupakan cantuman dari 4 buah Mukim iaitu Mukim Luit, Chenor, Kertau dan Bukit Segumpal yang merangkumi keluasan kawasan berjumlah 770 batu persegi.

Bandar Maran dan Pekan Chenor telah menjadi petempatan bandar di Daerah Maran. Lembaga Bandaran Kecil Maran telah ditubuhkan berasingan daripada Lembaga Bandaran Pekan sebagai Penguasa Tempatan untuk mengawal dan memberi perkhidmatan perbandaran ke kawasan dalam lingkungan 1 batu persegi (Pelan Induk Daerah Maran, 1988).

Pewujudan daerah baru telah turut meletakkan sebahagian besar kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (pada ketika itu dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Jengka, PKJ) ke dalam Daerah Maran.

Terdapat 3 buah bandar telah dirancang untuk dibangunkan dalam kawasan Wilayah Jengka yang terletak dalam Daerah Maran iaitu Bandar Pusat Jengka, Bandar Barat Daya dan Bandar Tenggara. Jikalau mengikut kepada perancangan asalnya, pada keseluruhannya 60% petempatan bandar di Daerah Maran adalah terdiri daripada bandar-bandar baru di kawasan LKWJ.

Walaupun Lembaga Bandaran Kecil Maran ini telah tertubuh namun ia masih belum mampu dari segi kakitangan dan kepakaran dalam membangunkan Daerah Maran. Oleh yang demikian segala kerjakerja yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan adalah dibawah tugas Pejabat Daerah Maran yang diketuai oleh Pegawai Daerah sendiri selaku Pengerusi Lembaga Bandaran Kecil Maran ketika itu. Bangunan-bangunan tambahan yang wujud semasa pengawalan lembaga ini adalah seperti stesen bas, kedai peringkat II dan balai bomba.

**Majlis Daerah Maran (1988-sekarang)**

Majlis Daerah Maran ditubuhkan pada 1hb. Julai 1988 melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang No. 502 bertarikh 23hb. Jun 1988. Penubuhan Majlis Daerah Maran adalah merupakan percantuman dua pihak Penguasa Tempatan sediada ketika itu iaitu Lembaga Bandaran Kecil Maran dan Majlis Tempatan Chenor. Ini termasuklah beberapa pekan-pekan kecil iaitu Bandar Jengka, Simpang Tajau, Simpang Awah, Pekan Sungai Jerik dan Pekan Sri Jaya.

Majlis Daerah Maran, sejajar dengan pertambahan penduduk, permintaan kemudahan awam, kemajuan teknologi dan peningkatan taraf perkhidmatan berusaha ke arah meningkatkan prestasi perkhidmatan dan pembangunan terhadap kawasan tadbirannya.

Disamping itu juga, terdapat pertambahan pembinaan bangunan-bangunan kedai, gerai, dewan, masjid, padang permainan, kawasan rekreasi dan sebaginya. Ini termasuklah kemudahankemudahan yang telah disediakan oleh Pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ). Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, satu keputusan telah dicapai dalam Mesyuarat ke-58 pada 24hb. November 1993 bahawa pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan Perbandaran Bandar Pusat Jengka (sekarang Bandar Jengka) diambil alih oleh LKWJ daripada Majlis Daerah Maran selama tempoh 5 tahun mulai 1hb.Januari 1994 sehingga 31hb.Disember 1998.




Pada masa itu, Majlis Daerah Maran ditadbir oleh pecahan 6 unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan, Unit Perancang Bandar, Unit Teknikal, Unit Penilaian dan Taksiran serta Unit Pelesenan, Penguatkuasaan dan Perkhidmatan Bandar.

## LOGO RASMI MAJLIS DAERAH MARAN

## VISI, MISI, OBJEKTIF DAN SLOGAN Q

### VISI

- “MDM Komited Memperkasakan Maran Bandar Sejahtera sehingga Tahun 2030”

### MISI

- “Bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan MDM melalui perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.”

### SLOGAN Q

- "Teliti Pasti Berkualiti"




## FUNGSI UTAMA

Dalam mencapai matlamat, MDM melaksanakan **fungsi-fungsi** berikut:

a. Menyediakan kemudahan dan memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti kepada orang ramai.
b. Mempergiatkan usaha-usaha meningkatkan sumber kewangan Majlis.
c. Merancang, menyelaras, mengendalikan dan mengawal pembangunan dengan teratur selaras dengan undang-undang yang digunapakai.
d. Melibatkan orang awam dan swasta dalam program pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
e. Memberikan peluang-peluang perniagaan khususnya kepada masyarakat setempat melalui penyediaan ruang-ruang niaga, tapak jaja dan sebagainya.

## STRUKTUR PENTADBIRAN DAN CARTA ORGANISASI



## VISI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Menjadikan Jabatan Khidmat Pengurusan sebagai organisasi yang memberikan perkhidmatan pengurusan pentadbiran yang terbaik, terkini, berkualiti dan berpengetahuan serta memberikan perkhidmatan pelanggan yang mencapai kepuasan pelanggan.

## MISI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Memastikan keperluan jawatan-jawatan serta pengisiannya diutamakan bagi melancarkan lagi pengurusan pentadbiran.
- Melaksanakan rekod perkhidmatan kakitangan yang kemaskini serta mengutamakan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen kepada kakitangan setelah memenuhi syarat-syaratnya.
- Mengamalkan pendekatan nilai murni serta rasa kasih kepada kebajikan kakitangan dengan melahirkan rasa tanggungjawab kepada urusan kesihatan, kekeluargaan, pinjaman perumahan kakitangan dan memberikan keutamaan terhadap pengurusan kakitangan yang akan berpencen.
- Melahirkan kakitangan yang berpengetahuan serta berkemahiran ketika menjalankan tugasnya dan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang sistematik serta teratur.
- Memastikan semua perolehan serta peralatan kelengkapan pejabat dan kemudahan diberikan keutamaan.
- Peneraju utama urusetia jabatan dengan memastikan minit-minit mesyuarat dapat disediakan dengan cepat, tepat serta teratur.
- Mewujudkan perkhidmatan pelanggan yang terbaik serta mengamalkan sikap mengutamakan kepuasan pelanggan.

## OBJEKTIF JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Memastikan keperluan jawatan-jawatan serta pengisiannya diutamakan bagi melancarkan lagi pengurusan pentadbiran.
- Melaksanakan rekod perkhidmatan kakitangan yang kemaskini serta mengutamakan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen kepada kakitangan setelah memenuhi syarat-syaratnya.
- Mengamalkan pendekatan nilai murni serta rasa kasih kepada kebajikan kakitangan dengan melahirkan rasa tanggungjawab kepada urusan kesihatan, kekeluargaan, pinjaman perumahan kakitangan dan memberikan keutamaan terhadap pengurusan kakitangan yang akan berpencen.
- Melahirkan kakitangan yang berpengetahuan serta berkemahiran ketika menjalankan tugasnya dan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang sistematik serta teratur.
- Memastikan semua perolehan serta peralatan kelengkapan pejabat dan kemudahan diberikan keutamaan.
- Peneraju utama urusetia jabatan dengan memastikan minit-minit mesyuarat dapat disediakan dengan cepat, tepat serta teratur.

- Mewujudkan perkhidmatan pelanggan yang terbaik serta mengamalkan sikap mengutamakan kepuasan pelanggan.

**PIAGAM PELANGGAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

- Menguruskan keperluan pengwujudan jawatan baru 2 tahun sekali dan urusan perlantikan jawatan baru dalam tempoh 1 bulan selepas mendapat kelulusan pengambilan.
- Menguruskan kursus induksi umum dalam tempoh selepas disahkan peperiksaan perkhidmatan kepada kakitangan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dalam tempoh 2 tahun.
- Menyediakan pengesahan dalam perkhidmatan serta pemberian taraf berpencen atau memilih skim KWSP, 1 bulan sebelum genapnya 3 tahun perkhidmatan.
- Menguruskan urusan pencen kakitangan dalam tempoh 6 bulan sebelum mencapai umur 55 tahun atau 56 tahun.
- Memastikan rekod perkhidmatan kakitangan sentiasa dikemaskini sebulan sekali dan surat yang diterima diedarkan terus kepada kakitangan setelah ditimbalguna untuk rujukan. Mencalonkan seseorang untuk kuasa 1 bulan.
- Memberikan latihan secukupnya kepada kakitangan dengan menghantarnya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran serta berpengetahuan dalam menjalankan tugasnya.
- Menyiapkan minit-minit mesyuarat selepas 3 hari mesyuarat diadakan dan diedarkan dalam tempoh 2 hari sebelum tarikh mesyuarat.
- Mendaftar pendaftaran mel/surat yang diterima dapat diselesaikan dalam masa 1 hari bekerja dan maklumbalas yang diberikan dalam tempoh 2 hari bekerja. Surat-surat akan diposkan atau dihantar dalam kadar segera.
- Menyediakan inventori untuk memastikan keperluan alatulis pejabat serta lain-lain peralatan pejabat mencukupi dengan membuat semakan inventori setor 3 bulan sekali.
- Penyediakan sewaan peralatan untuk majlis keraian yang akan dihantar dalam tempoh 3 hari bekerja dan urusan persiapan sewaan dewan untuk majlis rasmi akan disiapkan dalam tempoh 2 hari bekerja.
- Menyediakan kaunter perkhidmatan pelanggan berada dalam keadaan kemas, bersih setiap hari serta teratur dan pegawainya berpengetahuan yang mendalam mengenai jabatan serta bersikap mesra pelanggan.

**JUMLAH PERJAWATAN & KAKITANGAN MDM BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**Kakitangan tetap**
- 92 + 1 (Pegawai OSC) = 93

**Kakitangan kontrak (COS)**
- 10

**Kakitangan kontrak (CFS)**
- 26

## AKTIVITI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

### KURSUS DAN LATIHAN

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | Program Latihan Lima (5) Tahun Kepimpinan Pelapis Negeri Pahang Sebagai Pelan Penggantian *(Succession Planning)* Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Tahun 2023 - *Critical Thinking* | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **2.** | Sesi Perkongsian Teknologi (*Technology Updates Sessions* – TJS) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang Siri 1/2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **3.** | Seminar *Focus Group Discussion* (FGD) Projek Hasil Peringkat Daerah Negeri Pahang (Kluster 1: Kuantan, Maran Dan Rompin) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **4.** | Taklimat Perancangan Dan Pewarisan Daripada Prusential BSN Takaful | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **5.** | Kursus Faedah Dan Pengurusan Persaraan: Apa Bakal Pesara Perlu Tahu Siri 1 /2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **6.** | Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang Dan Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **7.** | Kursus Pemantapan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **8.** | Taklimat Daripada Ni Hsin Ev Tech Sdn. Bhd. (NHEVT) Kepada Semua GLC Dan Wakil Majlis Daerah Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **9.** | Kursus Pengurusan Sisa Pepejal, Kutipan Dan Pembersihan Awam | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **10.** | Sesi Libat Urus Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Kajian Semula Penyediaan Garis Panduan Perancangan (GPP) Pada Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **11.** | Program Semarak Jawi Siri 2 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **12.** | Forum Bandar Pintar: Sesi *Teach-In* Penarafan Bandar Pintar Tahap 1: *Smart Early Adopter* Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **13.** | Kursus Pemantapaan Penyediaan Kertas Siasatan Bagi Kes-Kes Di Bawah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **14.** | Program Bicara Integriti Siri 1/2024 Anjuran Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **15.** | Pelaksanaan Saringan Pemutihan Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **16.** | *Teach In Sistem OSC* 3.0 *Plus Online* Bagi Inisiatif Baharu Proses Dan Prosedur Kelulusan Pelan Pemajuan Osc 3.0 Plus | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **17.** | Kursus PBTpay-Integrasi Sistem e-PBT 2.0 Siri 4 Bagi Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan Anjuran i-KPKT | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **18.** | Taklimat Mengenai Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan Terminal, Stesen & Pusat Perdagangan) 2024 Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **19.** | Program Nafas Baru Bermula Ramadhan Peringkat Daerah Maran Siri 2 Bagi Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **20.** | Program Bicara Integriti Siri 2/2024 - Ihya Ramadhan Anjuran Unit Integriti Pejabat SUK Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **21.** | Sesi Libat Urus Ke Arah Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat *(Freedom of Information)*, Bersama Agensi Kerajaan Di Zon Pantai Timur (Terengganu, Pahang Dan Kelantan) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **22.** | Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **23.** | Sesi Libat Urus Pelaksanaan Sistem e-PBT 3.0 Di Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Zon Pantai Timur | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **24.** | Sesi Perkongsian Mengenai Teknologi Bitumen Diubahsuai Plastik (PMB) Oleh Petronas | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **25.** | Sesi Latihan Pengguna Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Tahun 2024 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **26.** | Sesi Pemukiman Kepimpinan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang Bersama YB. Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **27.** | Bengkel Proses Pewartaan Senarai Nilaian Baru Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **28.** | Program *Smart Santai Talk* - Kajian *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Terengganu 2040 (Smart Terengganu 2040) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **29.** | Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan "Meningkatkan Kecemerlangan Perkhidmatan PBT" Anjuran Pahang Corporate Management Services Sdn. Bhd. | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **30.** | Majlis Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 Dan Cakna Pengurusan Rekod Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **31.** | Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Bersama YAB Perdana Menteri Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **32.** | Kursus Pengucapan Awam Siri 1/2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **33.** | Program Sesi *Townhall* Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) Dan Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J41/44 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (Planmalaysia) Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **34.** | Kursus Perlaksanaan Garis Panduan Pengurusan Dan Penarafan Bintang Tandas Awam Di Malaysia Bagi Zon Tengah Dan Selatan Anjuran Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dengan Kerjasama Majlis Perbandaran Muar, Johor. | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **35.** | Bengkel Pembangunan Penanda Aras Bandar Rendah Karbon | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **36.** | Seminar Perolehan Bebas Rasuah Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **37.** | Seminar Pelaksanaan Dan Pematuhan Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **38.** | Kursus Teknikal Sistem e-PBT 2.0 Siri 4 Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **39.** | Taklimat Penjagaan Kenderaan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **40.** | Bengkel Skop Penguatkuasaan Kebersihan Kesihatan Dan Persekitaran | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **41.** | Bengkel Kemasukan Data Bayaran Perkidmatan Projek Persekutuan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **42.** | Program Madani Rakyat (PMR 2024) Zon Timur: Slot Bersama Planmalaysia 'Moh Rodong Naik Train' | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **43.** | Program Sesi Libat Urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bersama Dengan Pihak Berkuasa Tempatan Berkaitan Pengurusan Haiwan Terbiar | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **44.** | Kursus Pengenalan Memacu Perubahan Lestari: Memahami Dan Menyetempatkan SDG Di Malaysia, Kolaborasi Intan Bersama APPGM-SDG | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **45.** | Kursus Perakaunan Sistem e-PBT 2.0 Siri 1 Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **46.** | Kursus Pengurusan Aset Alih Siri 2/2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **47.** | Pembentangan Akhir Cadangan Pelaksanaan Sistem e-PBT 3.0 Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **48.** | Kursus Penyelenggaraan Kolam Renang Bagi Pengendali Kolam Pengendali Kolam Renang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **49.** | Bengkel Amalan Baik Peraturan Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Wilayah Timur Untuk Pembangunan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **50.** | Sesi Libat Urus Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) Bersama *Point-Of-Contact* (POC) Kementerian/Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **51.** | Sesi *Teach-In* Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) Dan Garis Panduan Perancangan Ladang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | Penternakan Ayam Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | | |
| **52.** | Program Jelajah MyPesara Peringkat Negeri Pahang 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **53.** | Kursus Pengauditan Penyata Kewangan Berdasarkan Mpsas Kepada Juruaudit Dalam, Anjuran Unit Audit Dalam UnisZA | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **54.** | Seminar Kebakaran Oleh *Safety Academy* (Akademi Keselamatan) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **55.** | Seminar MCMC Bersama Agensi-Agensi Penguatkuasaan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **56.** | Rakan Strategik Invest Pahang Bagi Perkongsian Pembangunan Projek Ekonomi (*Economic Accelerator* Projek, EAP) Dan Pembangunan Berorientasikan Transit (*Transit Oriented Development, TOD)* Di Stesen-Stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Pahang Semasa *Selangor International Business Summit (SIBS)* 2024 Pada 25-27 Julai 2024 Di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **57.** | Kursus Pengenalan Kepada Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) Dan Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMS) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **58.** | Majlis Perhimpunan Madani Penjawat Awam Negeri Pahang Bersama Timbalan Menteri Sumber Manusia Malaysia | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **59.** | Kursus Lanjutan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon *(Low Karbon City Framework LCCF)* | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **60.** | Seminar Pembangunan Integriti Bersama Komuniti "*Community Integrity Building*" Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **61.** | Bengkel Pemasaran Digital *(Deep Content)* Eco-Pelancongan Untuk Jabatan Dan Agensi Pelancongan Negeri Pahang Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **62.** | Mesyuarat Pemantauan Projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **63.** | Majlis Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2025 Bersama Pemegang Taruh, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **64.** | Program Apresiasi Koridor Utiliti Pahang Bersama Pihak Berkuasa Melulus Dan Penyedia Utiliti Di Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **65.** | Program Kesedaran Anti-Scam Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **66.** | Bengkel Kajian Semula Garis Panduan Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **67.** | Klinik Perancangan "*Ease of Doing Business*" Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Pahang Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **68.** | Kursus Perundangan Tatacara Penamatan Kontrak Kerajaan Anjuran Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan Dan Penguatkuasaan Institusi Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **69.** | Kursus Pemahaman Pemilikan Hak Milik Strata Dan Stratum | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **70.** | Kursus Asas Perolehan Kerajaan (Kerja) Siri 1/2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **71.** | Mesyuarat Dan Taklimat Sistem MARRIS *Online* Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **72.** | Program Karnival Kekal Sihat 2024 Peringkat Daerah Maran | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **73.** | Sesi Taklimat Modul Kertas Siasatan Kepada Jabatan/Agensi Penguatkuasaan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **74.** | Kursus Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa (S.O) Dalam Pentadbiran Kontrak Anjuran Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan Dan Penguatkuasaan Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **75.** | Seminar Pengurusan Landskap Jabatan Landskap Negara Tahun 2024 Secara Atas Talian | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **76.** | Bengkel Penyediaan Penyata Perubahan (KEW.8) Dan Penulisan Buku Rekod Perkhidmatan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| | Kerajaan Anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang | | |
| **78.** | Bengkel Peningkatan Produktiviti Melalui Pemutihan Rumah Sembelihan Ayam Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **79.** | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **80.** | Seminar Fiqh Wanita: Wanita Dambaan Syurga Diantara Kerjaya Dan Keluarga Peringkat Daerah Maran Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **81.** | Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) Bagi Zon Timur Terengganu, Kelantan Dan Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **82.** | Kursus Penyediaan Senarai Nilaian Dan Kadar Baharu Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **83.** | Bengkel Kemaskini Data Pengurusan Pembaharuan Permit Struktur Komunikasi "*Communications Infrastructure Permit Management* (CIPM 2.0)" Dan Majlis Makan Malam Aspresiasi MCMC Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **84.** | Program Sehari Bersama Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Negeri Pahang "Bencana Rekod: Bersediakah Kita?" | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **85.** | Kursus Pengurusan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan MyGovNet 2.0 PBT 2024 Zon Utara, Tengah Dan Timur Bagi Siri 2,3 Dan 4 Pada 7 Hingga 8 Oktober 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **86.** | Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri Pahang (LPPFN) 2024 Dan Bengkel *Focus Group Discussion* (FGD) Siri 1/2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **87.** | Sesi Libat Urus Pemakluman Prosedur Operasi Standard (SOP) Pertubuhan Kategori Kegamaan Di Bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Bersama Kementerian Jabatan Agensi Di Negeri | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **88.** | Taklimat "*Contributors Dashboard 2024*" | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **89.** | Program Suai Tugas *(OnBoarding)* Aplikasi MyDigital ID Pejabat Setiausaha Kerjaan Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **90.** | Lawatan Penandarasan Ke Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Shah Alam Bagi Mempelajari Kaedah Tangkapan Haiwan Liar Dan Berkeliaran | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **91.** | Bengkel Penerangan Mengenai Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) Di Dalam Modul *MyPerformance* (HRMIS) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **92.** | Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035 (Penggantian) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **93.** | Program Sesi Taklimat Pelaksanaan Zakat Pendapatan Dan Wakaf Kepada Penjawat Awam Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **94.** | Sesi Libat Urus (SLU) Pekeliling Perkhidmatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Bersama Warga Penjawat Awam Negeri Di Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **95.** | Kursus Pemahaman Akta 172: Seksyen 20a Rundingan Projek Kerajaan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **96.** | Bengkel SISPAA Bagi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Siri 4 Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **97.** | Seminar Kepentingan Dan Pelaksanaan Pensijilan, Pemeriksaan Dan Pengujian Produk Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **98.** | Program *Expert Talk*: "Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan Dan Pintar" & Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pahang Tahun 2024 Oleh YAB Menteri Besar Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **99.** | Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Dan Pihak Berkepentingan Bagi Tujuan Semakan Dan Pindaan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530) Bagi Zon 3 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **100.** | Kursus Pemantapan Kefahaman Prosedur Pengeluaran Lesen Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **101.** | Sesi Libat Urus Garis Panduan Perancangan Tapak Perkuburan Islam Dan Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam Peringkat Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **102.** | *Energy Efficiency Approach & Digitalized Technology* | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **103.** | Taklimat Dan Perbincangan Caj Pemajuan Negeri Pahang Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **104.** | Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2024 Anjuran Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **105.** | Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **106.** | Majlis Penyampaian Malaysia Urban Planning Awards (MUPA): Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **107.** | Kursus Aplikasi GIS Dalam Senibina Landskap Anjuran Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan Dan Penguatkuasaan Institusi Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **108.** | Program Inisiatif Lelaki Qawwam:" Tanggung Di Dunia Jawab Di Akhirat" Peringkat Daerah Maran Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **109.** | Kursus Sistem e-Profil JKT Kawalan Selia Pasar Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **110.** | Program Lawatan Ke Pesta Buku Pahang 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **111.** | Sesi Libat Urus Bersama Pengeluar Bagi Pemerakuan Bahan Binaan (PPS) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **112.** | Kursus Asas Kemahiran Dan Pengetahuan Melaksanakan Tugas Sebagai Pegawai Penyiasat Anjuran Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan Dan Penguatkuasaan Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
| --- | --- | --- | --- |
| **113.** | Kursus Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Penguasa (S.O) Dalam Pentadbiran Kontrak Anjuran Pusat Pengajian Pemahaman Perundangan Dan Penguatkuasaan Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **114.** | Program Kepimpinan Inovatif & Transformasi Digital Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **115.** | Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Integriti Nasional (SBIN) 2024 Anjuran Institu Integriti Malaysia (IIM) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **116.** | Program Bicara Ilmiah Bersama Al Habib Umar Bin Hamid Al Jailani, Mantan Mufti As-Syafie Mekah Bersama Warga Kerajaan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **117.** | Sesi Libat Urus Berkenaan Keperluan Pematuhan Kelengkapan Komunikasi Bersama Pihak Berkuasa Tempatan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **118.** | Seminar Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia: Pengukuhan Dan Peningkatan Hasil PBT Siri 2.0 Anjuran Persatuan Perancang Bandar PBT Malaysia (PETA) Dengan Kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **119.** | Kursus *Hands on Treatment for Food and Organic Waste* Pada 11 Dan 12 November 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **120.** | Lawatan Kerja Untuk Mempelajari Tindakan Penguatkuasaan Penutupan Premis Milik Majlis Bandaraya Kuantan | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **121.** | Majlis Aspresiasi Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **122.** | Bengkel Pemurnian Garis Panduan Permohonan Dan Peraturan Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **123.** | Perbincangan Perubahan Modul Gaji Sistem e-PBT 2.0 Bagi Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **124.** | Seminar Keluarga Bahagia: Bahagia Di Dunia Bahagia Di Akhirat Peringkat Daerah Maran Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |

| BIL | INISIATIF | STRATEGI PELAKSANAAN | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|
| **125.** | Kursus *Hands-On* Pengemaskinian Data Guna Tanah i-Plan Secara Dalam Talian (*Online Editing)* Siri 3 Bagi Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **126.** | Bengkel *Training of Trainers* (ToT) Dan Audit Akses Dalam Persekitaran Alam Bina Negeri Pahang Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **127.** | Dialog Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **128.** | Bengkel Libat Urus Pengurusan Data Jalan Bersama Pemegang Taruh Jalan Di Malaysia Anjuran Kementerian Kerja Raya Bagi Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **129.** | Kursus *Smart City Leadership Masterclass Programme* Anjuran Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (i-KPKT) Dengan Kerjasama *Malaysia Industry-Government for High Technology* (MIGHT) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **130.** | Sambutan Hari Aids Sedunia Tahun 2024 Peringkat Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **131.** | Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Landskap Halaman Cantik Peringkat Daerah Raub Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **132.** | Kursus Modul Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Siri 2 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Tahun 2024 | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **133.** | Pembentangan Hasil Penambahbaikan Modul Gaji Sistem e-PBT 2.0 Bagi Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) | Pembangunan Modal Insan | Kursus |
| **134.** | Taklimat Pengiraan Caj Pemajuan Negeri Pahang Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang | Pembangunan Modal Insan | Kursus |